

# 'Tiada manfaat berperang sesama sendiri'

(P)

11 M 1959

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara-negara Islam bahawa umatnya tidak akan mendapat sebarang manfaat, jika mereka berperang sesama sendiri, sebagai mana di beberapa buah negara.

"Amallah sia-sia pembunuhan yang berlaku antara orang Islam, terutama di Asia Barat, pembunuhan yang tidak diasaskan kepada mempertahankan Islam, tetapi semata-mata kerana dendam yang tidak terkawal antara orang Islam dan orang Islam," kata Perdana Menteri dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri menerusi RTM, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Rasulullah dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam At-Tarmizi menyatakan: *Usaha mendamai antara dua orang yang bersengketa adalah lebih utama daripada solat, puasa dan sedekah.*

Rasullullah bersabda: *Sesungguhnya kebinaasaan yang ditimbulkan oleh persengketaan itu*

adalah laksana menghancurkan-tebarkan umat itu sendiri.

Perdana Menteri berkata, ini menunjukkan pentingnya perdamaian dan perpaduan.

"Sebagai golongan terbesar yang berpecah-persaudaraan dan perpaduan, marilah kita menghulurkan tangan persahabatan kepada mereka yang suka kepada sengketa dan menyeyuru supaya mereka insaf dan bersyukur dan kembali kepada persaudaraan yang dituntut oleh Islam. Insya Allah, usaha ini akan diberkati Allah," tambahnya.

Beliau berkata, negara ini bersyukur kerana majoriti rakyat dan umamahnya sedar pentingnya perpaduan sebagai asas untuk mencapai kemajuan di dunia dan akhirat.

Dengan perasaan syukur itulah kerajaan akan tetap berusaha menjamin kebebasan beribadat

rakyat negara ini.

"Kita bersyukur majoriti pemimpin, baik pemimpin politik atau pemimpin dakwah — masih bertekad memajukan masa depan agama, negara dan rakyat. Semoga dengan kesyukuran itu kita akan diberkati lebih banyak keredaan Allah.

"Begitu juga, marilah kita sama-sama bersyukur kerana dengan adanya perpaduan sebagai penjamin keamanan dan ketenteraman, kita dapat menjalankan segala ibadat yang dituntut oleh Allah s.w.t. Pada Hari Raya Puasa seharusnya kita mendidik perasaan syukur ke atas semua nikmat kurniaan Allah